

Headline	Nama jurugambar diabadi pada orkid		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	567 cm ²
Journalist	Norhaspida Yatim	AdValue	RM 12,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,060



FOTO: FACEBOOK DOME NIKONG



Chysis domei Archila & Chiron

Dome merakam gambar bersama kanak-kanak orang asli di Kuala Koh, Kelantan. Gambar kecil: *Chysis domei archila*, spesies baharu orkid liar di Guatemala yang diberikan nama sempena nama Dome.

Spesies orkid di Guatemala dinamakan sempena nama jurugambar dari Terengganu

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Nama saintifik bagi spesies orkid liar baharu, *chysis domei archila* yang ditemui di kawasan hutan Guatemala dinamakan sempena nama seorang jurugambar dari Terengganu.

Spesies baharu itu ditemui oleh seorang ahli botani (orkidologi) dari Guatemala, Fredy Leonel Archila Morales yang telah mengkaji orkid di negara berkenaan sejak 30 tahun lalu.

Menurut Fredy, nama bagi orkid itu didedikasikan kepada jurufoto yang menggunakan nama pena Dome Nikong atas sumbangannya terhadap dunia botani.

Dome, 44, yang berasal

dari Kampung Sungai Tong, Setiu berkata, beliau gembira dan teruja dengan penghargaan yang diberikan hasil usaha dan fokusnya dalam kerja konservasi orkid serta penyelidikan tumbuh-tumbuhan liar di hutan Terengganu.

"*Chysis domei archila* baru ditemui dalam tahun ini oleh ahli botani berkenaan sebelum beliau maklumkan kepada saya untuk meletakkan nama saya pada orkid itu selepas mengambil masa selama tiga bulan untuk siapkan kertas ilmiah

berkaitan orkid tersebut.

"Saya teruja sebab penghargaan ini diberikan oleh orang luar yang menghargai usaha yang dilakukan walaupun saya tidak mengenali beliau secara dekat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Dome berkata, sebelum ini terdapat dua spesies tumbuhan yang juga diberikan nama sempena namanya iaitu *thismia domei* iaitu sejenis tumbuhan *mycoheterotrophs* yang mempunyai simbiosis dengan

Nama jurugambar diabadi pada orkid



Dome bersama bunga *rafflesia* di Bukit Batu Kapal, Gerdong, Hulu Terengganu.

fungus atau kulat.

"*Thismia domei* diberikan nama oleh penyelidik dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tahun lalu manakala satu lagi tumbuhan daripada spesies periu kera iaitu *nepenthes domei* yang diberikan nama oleh penyelidik dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi) akhir bulan lalu," katanya yang telah 13 tahun berkecimpung dalam dunia fotografi dan enam tahun dalam bidang penyelidikan.

Dome berkata, kemahiran dalam bidang fotografi yang dimiliki digunakan sepenuhnya bagi merakam tumbuhan liar serta hidupan di hutan yang kian pupus.

Terbaharu, beliau menerbitkan sebuah buku pertama berjudul *Wild Terengganu* yang disiapkan dua minggu lalu memaparkan maklumat berkaitan tumbuhan serta hidupan seperti tumbuhan liar, buah liar serta serangga di Terengganu.

Katanya, buku itu dihasilkan setelah enam tahun beliau menyelidik dan meneroka keajaiban alam yang tersimpan di hutan di negara ini.

"Diharap dengan usaha ini dapat membantu dalam mendokumentasikan khazanah alam berharga untuk tatapan generasi akan datang," katanya.